

23 OCT 2003

Mahathir-Timor/I

MALAYSIA PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN TIMOR LESTE

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DILI, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meletak batu asas kompleks baru kedutaan Malaysia di sini bagi mengukuhkan hubungan dengan Timor Leste.

Perdana Menteri telah menanam sebatang pokok cendana di tapak bangunan itu yang terletak di Praia dos Conqueiros, satu kawasan strategik berhadapan dengan laut, sebagai simbol komitmen Malaysia untuk memberikan kerjasama dalam proses pembangunan semula Timor Leste.

Menteri Luar dan Kerjasama Timor Leste, Dr Jose Ramos Horta ketika berucap pada majlis itu, menyentuh tentang pentingnya hubungan antara kedua-dua negara itu serta memuji Dr Mahathir kerana menjadi ketua kerajaan asing yang pertama melawat negara itu sejak ia merdeka pada Mei 2002.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Majlis bersejarah itu adalah sebahagian daripada atur cara ketat Dr Mahathir hari ini pada hari kedua lawatan tiga harinya yang bermula dengan istiadat samabutan rasmi di Istana Kerajaan pagi tadi.

Ketibaan beliau disambut oleh rakan sejawatannya dari Timor Leste, Mari Alkatiri, yang kemudian mengiringi Dr Mahathir memeriksa satu perbarisan kehormatan.

Selepas itu, Perdana Menteri beredar ke Bangunan Parlimen tidak jauh dari situ, untuk berucap kepada anggota-anggota Parlimen dan Majlis Menteri timor Leste.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir menghuraikan mengenai pelbagai bentuk kerajaan khususnya sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh kedua-dua negara.

Sambil menjelaskan bahawa demokrasi merupakan sistem terbaik yang digubal manusia untuk mentadbir masyarakat, beliau berkata ia boleh memberi manfaat jika semua pihak faham tentang sekatan-sekatan dan kelemahan demokrasi itu dan menerimanya.

Katanya ketika kebanyakan negara pelbagai kaum berdepan dengan konflik perkauman yang berpanjangan, Malaysia sentiasa aman.

"Sebuah negara autokratik mudah menjamin keamanan tetapi sebuah negara demokratik mungkin sukar berbuat demikian.

"Namun, Malaysia telah mengendalikan masalah perkaumannya dengan baik. Ini kerana rakyat Malaysia faham mengenai kelemahan dan sekatan-sekatan demokrasi, dan kami tidak melanggar sekatan-sekatan ini," katanya, sambil menjelaskan bahawa ada pihak mendakwa kononnya Malaysia tidak demokratik.

Beliau berkata pihak-pihak ini tidak pula mengutuk negara-negara yang bersahabat dengan mereka walaupun negara-negara ini mempunyai kerajaan autokratik dan tidak demokratik.

Dr Mahathir berkata adalah jelas bahawa kritikan mereka terhadap Malaysia didorong oleh pertimbangan politik.

"Malaysia tidak bimbang. Kami adalah demokratik," katanya.

"Jika tidak, bagaimana boleh terdapat ramai sekali anggota pembangkang dipilih ke parlimen dan dewan undangan negeri, hinggakan dua negeri ditadbir oleh parti yang menentang kerajaan pusat," kata Dr Mahathir.

Di akhir ucapannya, mereka yang hadir berdiri sambil bertepuk tangan sebagai satu penghormatan kepada beliau.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Presiden Timor Leste, Xanana Gusmao, dan selepas itu berucap pada satu dialog dengan ahli-ahli perniagaan.

"Malaysia berpegang kuat kepada kepercayaan tentang kemampuan sesebuah negara untuk berdikari, tetapi kami juga faham bahawa proses ini dapat dimudahkan lagi dengan adanya bantuan dan galakan berterusan dari negara-negara yang mempunyai pengalaman serupa dan berhasrat berbuat demikian.

"Dalam soal ini, Malaysia komited untuk bekerjasama dengan Timor Leste dalam proses pembangunan semulanya.

"Kami ada di sini ketika anda dalam proses menubuhkan negara anda dan kami akan terus bekerjasama dan membantu dalam rancangan kemajuan ekonomi anda," katanya pada majlis dialog itu.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perbincangan dengan Alkatiri di Istana Kerajaan, sebelum kedua-dua pemimpin itu mengetuai delegasi masing-masing ke satu mesyuarat bagi meninjau peluang mempertingkatkan hubungan dua hala.

Satu perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan, dijadual ditandatangani selepas perbincangan itu. Ini disusuli dengan majlis penyerahan trak dan peralatan ketenteraan dari Malaysia kepada Timor Leste.

Dr Mahathir akan menghadiri satu jamuan anjuran Alkatiri malam ini. Beliau akan berlepas ke Papua New Guinea pagi esok untuk lawatan dua hari.

-- BERNAMA
AZZ AHH MAI